



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS DOA KESYUKURAN  
SEMPENA SEMARAK ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025 BAGI  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA**

**Hari Selasa, 26 Syaaban 1446M bersamaan 25 Februari 2025H**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Semarak Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 pada Hari Selasa, 26 Syaaban 1446M bersamaan 25 Februari 2025H bertempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku tetamu kehormat ke majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Pemangku Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan solat sunat hajat dan diikuti dengan bacaan Doa Kesukuran sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-41 bagi Tahun 2025 sebelum diakhiri dengan solat fardhu Asar berjemaah yang diimamkan oleh Yang Mulia Awang Mohd Zahid Zakhwan @ Mohammad Thaib Hasbullah bin Mohd Said, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampong Bengkurong.

Semarak Hari Kebangsaan dilaksanakan sebagai salah satu acara sampingan bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41. Disamping itu, majlis berkenaan bertujuan bagi memohon ke hadrat Ilahi agar Negara Brunei Darussalam, raja, rakyat dan penduduk serta segala isi didalamnya dan seluruh teluk rantau dan jajahannya akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana.

Majlis pada tahun ini adalah dikelolakan oleh Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam  
Emel: pr@mofe.gov.bn

Tarikh: 26 Syaaban 1446M  
25 Februari 2025H

Rujukan: KKW/ADM/26